

Berkongsi fadilat puasa bersama keluarga

Oleh **KHAIRUNNEEZAM MOHD NOOR**

BULAN Ramadhan merupakan waktu terbaik untuk umat Islam melaksanakan amal ibadah kerana telah dijanjikan oleh Allah Taala akan keberkatan dan ganjaran pahala yang berlipat kali ganda. Seyogianya, ibadah puasa di bulan Ramadhan merupakan salah satu tunjang utama dalam Rukun Islam dan semua umat Islam tidak kira usia perlu sedar kewajipan untuk menunaikannya termasuklah golongan anak-anak kecil. Alim ulama menyebutkan bahawa walaupun kanak-kanak masih belum mukalaf iaitu diwajibkan melaksanakan syariat, namun ibadah berpuasa oleh mereka adalah dianggap sebagai suatu bentuk latihan.

Pernyataan ini jelas memberi isyarat bahawa ibadah puasa perlu dididik dan dilatih di kalangan anak-anak kecil. Menjadi tanggungjawab ibu bapa memastikan bahawa anak-anak seawal usia empat atau lima tahun belajar untuk menghayati kelebihan berpuasa di bulan Ramadhan ini. Latihan menahan nafsu makan dan minum di siang

hari serta memperbanyakkan amalan mulia dan mengelakkan diri daripada kemungkaran adalah sangat besar impaknya apabila anak-anak ini meningkat dewasa kelak. Mereka tidak akan berasa canggung dan berat untuk melaksanakan bukan sahaja amalan berpuasa bahkan ibadah fardu yang lain seperti bersolat, zakat dan sebagainya. Begitu juga jiwa mereka akan terdidik untuk memperbanyakkan juga ibadah sampingan yang melengkapkan diri menjadi manusia yang soleh dan solehah.

Minda dan pemikiran anak-anak perlu jua dididik supaya tidak mentafsir bahawa bulan Ramadhan ini adalah waktu yang sinonim dengan pesta bunga api dan mercun. Hindarkan mereka daripada terjebak dengan sindrom negatif sebegini yang bukan sahaja membazirkan wang malah turut membahayakan nyawa mereka.

Anak-anak juga tidak seharusnya dibiarkan terlalu leka menonton televisyen, bermain permainan komputer, atau membuat aktiviti yang tidak berfaedah. Sebaliknya mereka perlu dibimbing untuk menambahkan amal ibadah

yang dijanjikan ganjaran yang sangat besar oleh Allah Taala.

Untuk melatih anak-anak berpuasa perlulah dimulakan secara berperingkat-peringkat dan berdekrit-dikit. Ikuti tahap kemampuan mereka seadanya seperti puasa setengah hari atau sekadar beberapa jam, atau hanya beberapa hari sepanjang bulan Ramadhan.

Unsur ganjaran juga boleh dipraktikkan di kalangan anak-anak sebagai elemen penggalak untuk mereka berpuasa. Misalannya menyediakan masakan kegemaran mereka untuk berbuka dan bersahur, pujian, memberikan hadiah, atau sejumlah 'duit raya' jika mereka berjaya melaksanakan ibadah puasa mengikut kemampuan masing-masing.

Ibu bapa boleh menceritakan kepada anak-anak apa perlunya berpuasa daripada konteks agama dan kesihatan agar mereka faham bahawa berpuasa adalah suatu amalan yang sangat besar kesan positifnya.

Anak-anak perlu dilatih dengan rukun dan pantang larang ketika berpuasa supaya mereka bijak memelihara kesempurnaan puasa mereka. Dalam bulan Ramadhan ini juga, mereka boleh

diajak untuk menunaikan solat fardu dan solat Tarawih secara berjemaah sama ada di rumah atau di masjid dan juga bertadarus al-Quran bersama-sama. Anak-anak juga boleh diasuh untuk mengeratkan hubungan silaturahim sesama keluarga, jiran dan masyarakat dengan menganjurkan majlis berbuka puasa, berziarah dan bersedekah.

Jika kaedah-kaedah yang disarankan ini dapat dipraktikkan kepada anak-anak sepanjang bulan Ramadhan ini, adalah diyakini bahawa mereka akan menjadi bukan sahaja umat Islam yang diredai-Nya, bahkan menjadi insan yang sempurna akhlak dan tatasusilanya.

Didikan agama yang mantap sejak usia kecil sebegini pasti dapat menjamin kekentalan dan keutuhan personaliti anak-anak ini apabila usia mereka menjangkau dewasa.

□ PENULIS ialah kakitangan akademik di **Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia**